

**PERANAN ULAMA DALAM MASYARAKAT BANJAR
DI KALIMANTAN SELATAN, INDONESIA**

AHDI MAKMUR

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
JULAI 2010**

**PERANAN ULAMA DALAM MASYARAKAT BANJAR
DI KALIMANTAN SELATAN, INDONESIA**

AHDI MAKMUR

Tesis yang Dikemukakan kepada Dekan Penyelidikan
dan Pengajian Siswazah, Kolej Undang-Undang, Kerajaan
dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia,
sebagai Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

AHDI MAKMUR

Ph.D

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)




telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**" PERANAN ULAMA DALAM MASYARAKAT BANJAR DI KALIMANTAN SELATAN,
INDONESIA "**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **29 April 2010**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **29 April 2010***

Pengerusi Viva (Chairman for Viva)	:	PROF. MADYA DR. RUSNIAH AHMAD	Tandatangan (Signature)	
Pemeriksa Luar (External Examiner)	:	PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHD YUSOF HASSAN	Tandatangan (Signature)	
Pemeriksa Dalam (Internal Examiner)	:	PROF. MADYA DR. MOHD FO'AD SAKDAN	Tandatangan (Signature)	

Tarikh: **29 APRIL 2010**
(Date)

Nama Pelajar : AHDI MAKMUR
(Name of Student)

Tajuk Tesis : " PERANAN ULAMA DALAM MASYARAKAT BANJAR DI
(Title of the Thesis) KALIMANTAN SELATAN, INDONESIA"

Program Pengajian : Ph.D
(Programme of Study)


Nama Penyelia/Penyelia-penyelia : PROF. DR. ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ 

Tandatangan
(Signature)

PERAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber-sumbernya”

Tarikh: Julai 4, 2010

Tandatangan : 
Nama : AHDI MAKMUR
No. Matrik : 90831

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya mahupun sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan keuntungan perseorangan atau kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran tertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah)
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

Peranan Ulama dalam Masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan, Indonesia

Abstrak

Orde Baru telah membatasi ruang gerak ulama untuk memainkan peranan di Indonesia. Manakala, era reformasi memberi kebebasan kepada ulama untuk mengambil bahagian dalam pelbagai kehidupan kaum Muslimin, sehingga menjadi saat yang sangat signifikan bagi ulama untuk memainkan peranan dalam masyarakat. Tujuan utama daripada kajian ini adalah untuk mengenalpasti peranan ulama dalam pembinaan masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan. Secara khas, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tipologi ulama Banjar, mengesan peranan ulama dalam pembinaan masyarakat Banjar, mengetahui hubungan faktor demografi, religiositi dan sosio-budaya dengan peranan ulama, mengetahui kedudukan ulama dalam masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan, dan mengenalpasti kesan ulama ke atas isu-isu yang berhubungan dengan perubahan sosial, pemodenan dan pembangunan di Kalimantan Selatan. Ada dua bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, metode kualitatif dengan menggunakan pendekatan “grounded”. Kedua, metode kuantitatif yang digunakan untuk menyokong data kualitatif. Data dikumpul melalui tamubual bersemuka, pemerhatian berpartisipasi, dokumen-dokumen dan soal-selidik. Responden kajian ini berbilang 40 orang daripada ulama pesantren atau pondok pesantren di Kalimantan Selatan, yang dipilih secara bertujuan bukan rawak. Setelah data dikumpul dan diolah, kemudian dianalisis secara induktif dengan menggunakan teknik analisis melalui reduksi, tampilan dan pembuktian. Pendekatan struktural-fungsionalisme juga diterapkan terutama untuk membincangkan peranan ulama dilihat daripada kedudukannya dalam masyarakat Banjar. Pengkaji juga mengguna pakai perhitungan statistik deskriptif untuk melihat frekuensi, peratus dan purata. Akhirnya, pengkaji menyimpulkan bahawa ulama masih memainkan peranan tradisional meskipun mereka hidup dalam era moden. Tanpa mengira tipologinya, ulama telah membawa masyarakat Banjar dalam kesatuan. Ulama memainkan peranan yang besar dalam membina keseimbangan, keharmonisan dan kesepaduan daripada kepelbagaian (pandangan, kepentingan, kumpulan) dalam masyarakat Banjar kerana peranan ulama menjadi alternatif, pengawal dan pengimbang. Selain daripada itu, faktor demografi dan sosio-budaya tidak berhubungan kuat, signifikan dan positif dengan peranan ulama, kecuali faktor religiositi. Walaupun demikian, kedudukan ulama masih tinggi dalam masyarakat Banjar kerana kedalaman ilmu, akhlak terpuji, kesalehan dan peranan besar yang dimainkan oleh mereka. Ulama juga mengesan positif ke atas pelbagai isu yang berhubungan dengan perubahan sosial, pemodenan dan pembangunan di Kalimantan Selatan, Indonesia.

The Roles of the Ulama among Banjarese Society in South Kalimantan, Indonesia

Abstract

The New Order limited the steps of the ulama to play their roles in Indonesia. On the contrary, the era of reformation opens more opportunities for the ulama to participate in many spheres of Moslem life. The main objective of this study is to portray the roles of the ulama in Banjarese society. The goals of the research are, basically, to understand the typology, the roles of the Banjarese ulama, and the correlation of factors, i.e. demography, religiosity and socio-culture. Other purposes are to understand the social standing of the ulama among the Banjarese society, and finally to understand the responses of the ulama on the issues of social change, modernization and development in South Kalimantan. There are two kinds of method used in this study. The first is a qualitative method with a grounded approach. The second is a quantitative used to support the qualitative data. In this study, in-depth interview, participant observation, documentary and questionnaire were employed to collect the data. Hereby, 40 respondents of the ulama of *pesantren* (*pondok pesantren*) were selected using the purposive non-random sampling. Having made the collection and processing, the data gathered were then analyzed inductively by using the technique of reduction, display and verification. As for discussion, the approach of structure-functionalism was also applied particularly to analyze the roles of the ulama in terms of their social standing in society. The descriptive statistics was applied in the forms of frequencies, percentages, and means as well. The findings of the study show that though the ulama live in the modern era; nevertheless, they still play their traditional roles. Without considering the typology, the roles the ulama have played are to stabilize, harmonize and to unite the different fractions of the Banjarese society since their roles become the alternative, the guardian and the stabilizer for a great deal of lives. Also, it does not show a significant and positive correlation between the roles of the ulama and the factors of demography and socio-culture, but the religiosity. Seemingly, the social standing of the ulama in the Banjarese society is still high because they possess knowledge, moral virtue, devoutness, and the roles they have played in the community. In spite of that, the ulama respond positively to the surroundings relating to the issues of social change, modernization and development in South Kalimantan, Indonesia.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

Terlebih dahulu pengkaji panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian kepada Allah S.W.T. atas limpah kudrat dan kurnia-Nya, sehinggalah tesis ini boleh dia (pengkaji) selesaikan. Pada muka surat ini, pengkaji ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada individu-individu yang terlibat langsung atau tidak langsung dalam proses pembikinan tesis ini.

Pertamanya penghargaan tidak terhingga pengkaji sampaikan kepada Penyelia Utama, iaitu Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz, pengarah di Institut Pemikiran Tun Mahatir Muhammad yang juga pensyarah di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau adalah sosok utama dan terdepan dalam membantu pengkaji bagi penyelesaian pembikinan tesis ini. Kesediaan beliau meluangkan masa sejak proses pembuatan proposal, penyelidikan sehingga penulisan tesis, merupakan dedikasi seorang guru besar yang tidak ternilai harganya. Pelbagai petunjuk, arahan, input, komen, dorongan, sokongan dan komitmen beliau yang tidak jemu-jemu telah menjadi punca inspirasi yang sangat berguna dalam pembuatan tesis ini. Untuk semua ini, tidak ada kata lain yang boleh pengkaji lukiskan, tuliskan dan tuturkan kecuali ucapan berbilang terima kasih dan balasan daripada Allah S.W.T. Kepada Profesor Dr. Mansor Mohd. Noor, bekas pensyarah di COLGIS UUM, yang sempat pula menjadi penyelia kedua, pengkaji juga mengucapkan berbilang terima kasih, terutama atas segala petunjuk dan bimbingannya. Beliau adalah seorang guru besar yang kebapaan dan telah ikut membentuk ketajaman intelektual pengkaji sehingga tidak akan pernah dilupakan. Ramai orang yang juga ikut mengambil bahagian dalam pembuatan atau penulisan tesis ini, sama ada daripada pensyarah, terutama Prof. Madya Dr. Oemar Hamdan, mahupun sesama pelajar UUM khususnya rakan-rakan karibku sesama pelajar asal Banjar Kalimantan Selatan, daripada pegawai perkhidmatan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, di Pasca Siswazah, di COLGIS dan IPDM Universiti Utara Malaysia, yang pengkaji tidak mungkin atau boleh menyebut seorang-seorang kerana terhad tempat menulis. Mereka adalah guru dan atau teman dalam perbincangan; oleh kerana itu, pengkaji mengucap berbilang terima kasih dan penghargaan kepada mereka semua.

Selanjutnya kepada Rektor IAIN Antasari Banjarmasin dan Dekan Fakultas Tarbiyah IAIN Antasari Banjarmasin, pengkaji juga mengucapkan terima kasih atas segala bantuan, dorongan dan keizinan untuk meninggalkan tugas selama beberapa tahun, sehinggalah pengkaji boleh menyelesaikan tesis ini. Terima kasih khusus disampaikan kepada Prof. Dr. H. Akh. Fauzi Aseri, MA (Rektor IAIN Antasari Banjarmasin), yang selalu memberi dorongan, perhatian dan kemudahan dalam bantuan kewangan sejak awal pengkaji belajar di UUM sehingga menyelesaikan penulisan tesis ini. Terima kasih juga disampaikan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Nordin Kardi, Naib Canselor UUM, yang telah memberi kesempatan belajar melalui kerjasama IAIN Antasari-UUM dan ikut mendorong pencepatan studi di lembaga pendidikan tinggi ini. Di samping itu, pengkaji juga berterima

kasih kepada Gabenor Provinsi Kalimantan Selatan atas bantuan kewangan semasa pengkaji menuntut ilmu di UUM Malaysia. Juga kepada ramai pemimpin pondok pesantren (kyai, 'ulama, ustaz) di mana pengkaji diberi masa dan kesempatan untuk menabur soal-selidik, melakukan temu bual dan diterima dengan penuh keikhlasan untuk bersilaturahmi atau berdialog, sehinggalah banyak data yang boleh dikumpulkan dan tidak terkira nilainya untuk penyusunan dan penulisan tesis ini. Kepada pelbagai pihak lainnya, utamanya kepada para responden dan *key informants*, yang juga ikut membantu penyelidikan bagi penulisan tesis ini, pengkaji mengucapkan tahniah dan terima kasih yang banyak.

Pengkaji juga merekam penghargaan dan terima kasih kepada isteri tersayang, Hajjah Siti Hidayati, S.Pd., yang selalu setia menemani dalam suka dan duka dan rela berkorban tenaga, fikiran, kewangan dan masa-masa indah selama pengkaji belajar, melakukan penyelidikan sehingga penulisan tesis ini. Ucapan yang sama juga pengkaji luahkan kepada anak-anak tercinta, Aulia Ahdiyatinur, S.P sekeluarga, Muhammad Reza Ahdiatnur dan si bungsu Anisa Ihdayani, yang selalu memberi dorongan dan memahami akan kepayahan, ketiadaan dan ketinggalan bagi menemani mereka dalam kehidupan sekeluarga selama pengkaji menjalani aktiviti intelektual ini, sehingga dia boleh berjaya menyelesaikan tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga pengkaji hantarkan kepada yang sangat terhormat ayahanda, Haji Tukacil Kaderi, yang selalu sahaja mendoakan, mendorong dan menyokong kejayaan pengkaji dalam menuntut ilmu termasuk dalam menyelesaikan penulisan tesis ini, dan juga kepada Allahyarhamah ibunda Hajjah Norsiah, Allahyarham bapa mentua Haji Abdul Galib dan Allahyarhamah ibu mentua Hajjah Husnah meskipun ketiga-tiga orang yang pengkaji sangat hormati ini telah tiada. Melalui kontak batiniyah, pengkaji percaya bahawa mereka ikut menyokong akan kejayaan pengkaji dalam menuntut ilmu sebagaimana telah mereka perlihatkan ketika masih hidup.

Akhir sekali, sekiranya berjumpa akan kelemahan dan kekurangan yang disengajakan mahupun yang tidak disengajakan oleh pengkaji, semua adalah menjadi tanggung jawab pengkaji dalam upaya menambahbaikkan tesis ini di masa hadapan.

KANDUNGAN

	muka surat
PERAKUAN	ii
KEBENARAN MENGGUNA	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI GRAFIK	xv
SENARAI GAMBAR	xvi
GLOSARI	xvii
BAB I: PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	
1.2. Latar Belakang Kajian	2
1.3. Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian	13
1.4. Skop Kajian	19
1.5. Objektif / Tujuan Kajian	21
1.6. Signifikan Kajian	22
1.7. Struktur Tesis	24
1.8. Penutup	25
BAB II: SOROTAN LITERATUR	26
2.1. Pengenalan	
2.2. Ulama : Definisi, Tipologi, Kedudukan dan Peranan	27
2.2.1. Definisi Ulama	
2.2.2. Tipologi Ulama	33

2.2.3. Kedudukan Ulama	43
2.2.4. Peranan Ulama	51
2.3. Perubahan Sosial dan Agen Perubahan Sosial	59
2.3.1. Perubahan Sosial	
2.3.2. Agen Perubahan Sosial	63
2.3.3. Beberapa Teori Perubahan Sosial	67
2.3.4. Pola-pola Perubahan Sosial	69
2.4. Pembangunan, Pemodenan dan Masyarakat	70
2.4.1. Erti Pembangunan	71
2.4.2. Teori-Teori Pembangunan	78
2.4.3. Tujuan Pembangunan	80
2.4.4. Modenisasi	83
2.4.5. Beberapa Teori Pemodenan	85
2.4.6. Lingkupan Perubahan dalam Pemodenan	91
2.4.7. Masyarakat Tradisional dan Masyarakat Moden	92
2.5. Kajian tentang Ulama di Indonesia	98
2.6. Struktural Fungsionalisme, Sebuah Pendekatan Teoretikal	106
2.7. Penutup	107
BAB III : KAEDAH PENYELIDIKAN	108
3.1. Pengenalan	
3.2. Desain Penyelidikan	109
3.3. Populasi dan Sampel	115
3.4. Instrumen	119
3.4.1. Temubual Bersemuka	124
3.4.2. Pemerhatian Berpartisipasi	125
3.4.3. Soal-selidik	
3.4.4. Dokumen	126
3.5. Prosedur Pengumpulan Data	
3.6. Teknik analisis Data	128

3.7. Kerangka Konseptual Kajian	132
3.8. Penutup	133
BAB IV : GAMBARAN UMUM TEMPAT DAN SUBJEK KAJIAN	135
4.1. Pengenalan	
4.2. Tempat Kajian	136
4.3. Kalimantan Selatan	137
4.3.1. Kabupaten Hulu Sungai Utara, Pusat Pengembangan Pondok Pesantren di Wilayah Hulu Sungai	141
4.3.1.1. Babirik, Kampung Halaman Ulama Karismatik Tuan Guru Haji Asmuni (Guru Danau)	142
4.3.1.2. Alabio, Daerah Asal Beberapa Ulama Muhammadiyah di Kalimantan Selatan	143
4.3.2. Kabupaten Hulu Sungai Tengah, Wilayah Berhawa Sejuk di Kalimantan Selatan	145
4.3.2.1. Barabai, Bandar Sejuk dengan Sebilangan Sekolah Pondok	
4.3.2.2. Pemangkih, Sebuah Kampung Santri di Kabupaten Hulu Sungai Tengah	147
4.3.2.3. Desa Murung di Kecamatan Batu Benawa Barabai ..	153
4.3.3. Kabupaten Hulu Sungai Selatan, Pintu Gerbang ke Banua Lima	154
4.3.3.1. Negara, Punca Pendidikan Calon Ulama Banjar di Masa Lalu	
4.3.3.2. Kecamatan Sungai Raya Kabupaten Hulu Sungai Selatan	155
4.3.4. Kabupaten Banjar, Wilayah Bernuansa Islam	156
4.3.4.1. Martapura, Bandar Serambi Mekah di Tanah Banjar. .	157
4.3.4.2. Gambut, Lumbung Padi di Kabupaten Banjar	162
4.3.4.3. Lok Baintan, Kampung di Tepian Sungai Martapura. .	163

4.3.4.4. Aluh-aluh dan Kertak Hanyar, Daerah Pengembangan Pasantren di luar Kota Martapura	165
4.3.5. Banjarbaru, Bandar Pusat Pendidikan	166
4.3.6. Pesantren di Kabupaten Tabalong, Balangan, Tapin, Barito Kuala dan Tanah Laut	168
4.3.7. Banjarmasin, Ibu Negeri Provinsi Kalimantan Selatan	170
4.4. Subjek Kajian	173
4.4.1. Identiti Responden	174
4.4.2. Keadaan Sosio-ekonomi Responden	179
4.4.3. Latar Belakang Pendidikan Responden	182
4.5. Penutup	184

BAB V : DAPATAN KAJIAN DARIPADA TIPOLOGI, PERANAN DAN KEDUDUKAN ULAMA DALAM MASYARAKAT BANJAR DI KALIMANTAN SELATAN	185
5.1. Pengenalan	
5.2. Tipologi Ulama Banjar	186
5.2.1. Ulama Fiqh dan Ulama Tasawuf	187
5.2.2. Ulama Pesantren dan Ulama Majlis Ta'lim	202
5.2.3. Ulama Tradisional, Tradisi-modern dan Ulama Modern	205
5.3. Peranan Ulama dalam Masyarakat Banjar	206
5.3.1. Ulama adalah Pimpinan Pelbagai Upacara Keagamaan	207
5.3.2. Ulama Membimbing dan Membari Nasihat	213
5.3.3. Peranan Ulama dalam "Rites de-Passage"	223
5.3.4. Ulama Berperanan sebagai Pendorong	246
5.3.5. Peranan Ulama dalam Pendidikan dan Dakwan	249
5.3.6. Keterlibatan Ulama dalam Aktiviti Politik	264
5.4. Korelasi Faktor Demografi, Religiositi dan Sosio-budaya dengan Peranan Ulama	268
5.5. Kesan Ulama ke atas Pembangunan, Pemodelan dan Perubahan	

Sosial di Kalimantan Selatan	270
5.6. Kedudukan Ulama dalam Masyarakat Banjar	272
5.7. Penutup	277
BAB VI : PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	279
6.1. Pengenalan	
6.2. Tipologi Ulama	281
6.3. Peranan Ulama	284
6.4. Kedudukan Ulama	292
6.5. Penutup	294
BAB VII : PENUTUP	296
7.1. Simpulan Kajian	
7.2. Implikasi Kajian	299
7.2.1. Teoretikal	
7.2.2. Praktikal	301
7.3. Cadangan Kajian Lanjutan	302
SENARAI RUJUKAN	304
LAMPIRAN-LAMPIRAN	315

SENARAI RAJAH

3.1. Analisis Data dengan Model Interaktif Mengikut Miles dan Huberman	130
3.2. Kerangka Konseptual Kajian tentang Tipologi, Peranan dan Kedudukan Ulama Banjar	133

SENARAI JADUAL

2.1. Karakteristik Masyarakat Tradisional dan Masyarakat Moden	42
4.1. Nama-nama Kabupaten dan Pemerintahan Kota di Provinsi Kalimantan Selatan Tahun 2007	139
4.2. Taburan Responden Berdasarkan Wilayah Kabupaten dan Kota	173
4.3. Usia Responden	175
4.4. Jumlah Isteri dan Anak Responden	177
4.5. Pekerjaan Sampingan (<i>Secondary</i>) Responden	179
4.6. Penghasilan Responden Purata dalam Sebulan	180
4.7. Pemilikan Hartanah (Aset) Responden dan Luasnya dalam Hektar	182
4.8. Latar Belakang Pendidikan Responden	183
5.1. Kategori Skor Berinterval Lima	206
5.2. Sikap Responden terhadap Pembaharuan Pendidikan Islam	262
5.3. Keikutsertaan Ulama dalam Aktiviti Politik	264
5.4. Frekuensi dan Peratus daripada Skor Perolehan Responden	266
5.5. Hubungan Faktor Demografi, Religiositi dan Sosio-budaya dengan Peranan Ulama	268
5.6. Kesan Ulama ke atas Pemodenan	271
5.7. Kesan Ulama ke atas Perubahan Sosial	272

SENARAI GRAFIK

5.1. Kuantiti Dorongan Ulama kepada Masyarakat	247
5.2. Kesan Ulama ke atas Pembangunan	248
5.3. Kedudukan Ulama dalam Masyarakat Banjar	276
8.1. Tipologi Ulama (lampiran)	
8.2. Skor Kesan ke atas Pembangunan (lampiran)	
8.3. Skor Kesan ke atas Modenisasi (lampiran)	
8.4. Skor Kesan ke atas Perubahan Sosial (lampiran)	
8.5. Rentang Skor Kedudukan Ulama (lampiran) ..	
8.6. Kedudukan Ulama (lampiran)	

SENARAI GAMBAR

4.1. Peta Indonesia	140
4.2. Peta Provinsi Kalimantan Selatan (Indonesia)	141
4.3. Pondok Pesantren Darussalam Martapura	158
4.4. Pekan Terapung di Lok Baintan (Sei Tabuk, Kalimantan Selatan)	164
5.1. Upacara Haulan Guru Ijai di Mushalla ar-Raudhah Sekumpul Martapura ...	246
5.2. Pengikut Majlis Ta'lim K.H. Muhammad Zaini Ghani Mulai Meninggalkan Komplek Sekumpul Martapura	252
5.3. Penziarah Perempuan di Makam Guru Sekumpul (Martapura, Kalsel)	275
8.1. Peta Pulau Kalimantan (lampiran)	
8.2. Peta Kalimantan Selatan (2) (lampiran)	

GLOSARI

- abangan*, masyarakat Islam nominal, masyarakat Islam yang taat menjalankan ajaran agamanya disebut *santri*
- al-Qiyadah*, aliran Islam yang didirikan oleh seseorang yang mengaku nabi (Ahmad Mushaddiq) dari Betawi Indonesia. Aliran ini kemudian dilarang oleh kerajaan kerana dianggap menyinggung dari ajaran Islam atas dasar fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada tahun 2007
- ahl al-suffah*, sekelompok pemuda yang suka beri'tikaf di masjid sambil belajar dan mengkaji pelbagai perkara agama semasa Nabi Muhammad S.A.W masih hidup
- Ahmadiyah*, aliran Islam yang berasal dari Qadiyan dan Lahore (India). Fahaman Ahmadiyah berkembang di Indonesia, tetapi kemudian dilarang oleh kerajaan berdasarkan fatwa MUI pada tahun 2007
- aqliyah*, amalan keagamaan dalam Islam yang mengutamakan pemikiran
- aqliyyah 'ulum*, juga disebut *'ulum al-falsafiyah* atau *'ulum al-qauniyah* yang bermakna ilmu-ilmu kealaman
- asbah*, orang yang mempunyai hak untuk menikahkan pengantin perempuan kerana ada pertalian darah, seperti bapa, pa cik, kaka atau adik lelaki daripada perempuan tersebut
- asyura*, upacara memperingati kematian Hasan dan Husain bin Ali (cucu Nabi Muhammad S.A.W.) yang meninggal dalam perang saudara di Karbala (Iraq) pada 61 Hijriah. Setiap 10 Muharram, upacara yang juga disebut *hari asyura* dilaksanakan dengan membuat *bubur asyura* untuk dibagi-bagikan kepada masyarakat Islam tempatan.
- ayat-ayat Madaniyah*, wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. setelah beliau berhijrah ke Madinah dalam masa 10 tahun. Sedangkan ayat-ayat al-Qur'an yang turun ketika nabi tinggal di Mekah selama 13 tahun disebut *ayat-ayat Makiyah*
- baaqiqah*, upacara kenduri dengan menyembelih hewan (umumnya kambing) bagi anak sebagai penebus dirinya yang tergadai kepada al-Khalik
- bahuma*, sebuah usaha di bidang pertanian dengan cara menanam padi di sawah
- bamandi-mandi*, upacara memandikan seorang perempuan yang sedang hamil dengan air yang dicampur bermacam-macam bunga seperti *melati*, *kenanga* dan *mawar* agar

dia dan bayi yang dikandungnya boleh terhindar daripada gangguan makhluk halus dan sihat mental dan fiziknya

banyu tawar, air kosong atau air putih yang diguna pakai untuk pengubatan spiritual-tradisional oleh para ulama. Air tersebut biasanya diberi bacaan-bacaan tertentu sebelum digunakan. Banyu tawar juga diberikan bagi anak-anak dan remaja supaya mereka cerdas, kerananya air tersebut dinamakan *banyu penarang hati*

batasmiyah, upacara atau majlis pemberian nama bagi anak yang baru lahir atau remaja yang mahu mengubah namanya kerana dianggap membawa *sial*, iaitu tidak membawa keberuntungan

bid'ah, amalan keagamaan yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

bupati, pemimpin formal daripada sebuah wilayah setingkat regen yang disebut *kabupaten*

camat, pemimpin formal daripada sebuah wilayah setingkat sub-distrik yang disebut *kecamatan*

dar al-Islâm, wilayah aman bagi umat Islam untuk bermastautin, wilayah tidak aman disebut *dar al-harb*

dayah, institusi pendidikan atau sekolah agama di Aceh (Sumatera)

esotorik, ibadah mahdhah, ritual daripada ajaran agama Islam, sedangkan aspek mu'amalah daripada ajaran Islam disebut *eksotorik*

equilibrium, keseimbangan dalam kehidupan manusia

fuqaha, para pakar ilmu fiqh, hasil kecerdasan berfikir para ulama tentang hal ehwal ajaran agama Islam

hakekat, sebuah ajaran tauhid dan tasawuf

halaqah, sistem pembelajaran di pondok pesantren dengan membentuk lingkaran dan duduk di lantai sambil mendengarkan guru atau kyai membacakan kitab atau menghuraikan pelajaran

hatamun al-anbiya, sebutan untuk Nabi Muhammad S.A.W kerana beliau adalah nabi terakhir atau penutup para nabi dan rasul

haulân, upacara memperingati seseorang (ahli keluarga, ulama) yang sudah meninggal atau wafat

ijab qabul, lafaz yang harus diucapkan oleh pengantin lelaki dalam majlis pernikahan di bawah tuntunan penghulu atau naib

ijtihad, opini atau pandangan baharu ke atas perkara agama yang sudah mentradisi

imam, pimpinan solat berjama'ah, sama ada di masjid, di surau, di rumah mahupun di tempat-tempat solat lainnya

kaum tua (kaum tuha), kelompok masyarakat Islam yang berfaham tradisional, sangat terikat dengan tradisi Islam

kaum muda, kelompok masyarakat Islam yang berfaham moden, tidak terikat dengan kokoh ke atas ajaran Islam tradisi

khalafiyah, pola pondok pesantren yang bercorak moden

khasyyah, perasaan takut untuk tidak melaksanakan perintah agama dan menjauhi larangan agama, salah satu karakteristik daripada ulama

khatib, pembaca khutbah dalam salat Jumaat di masjid. Seorang khatib seringkali juga menjadi *imam*, iaitu memimpin salat Jumaat

kitab kuning, kitab rujukan para pelajar di pondok pesantren yang ditulis dalam bahasa Arab Klasik.

konsul, sekumpulan kecil daripada pelajar pondok pesantren yang dibina berdasarkan etnik atau asal daerah

lurah, pemimpin formal daripada sebuah wilayah kecil setingkat desa atau kampong yang disebut *kelurahan*

madrasah, institusi pendidikan agama (Islam) yang bersifat formal di bawah pengurusan Kementerian Agama. Madrasah tingkat rendah disebut MI (Madrasah Ibtidaiyah), tingkat menengah disebut MTs (Madrasah Tsanawiyah) dan MA (Madrasah Aliyah). MI dan MTs termasuk jenjang pendidikan dasar, manakala MA adalah jenjang pendidikan menengah di Indonesia. Ketiga-tiga bentuk institusi pendidikan ini disamakan dengan institusi pendidikan kebangsaan (SD singkatan Sekolah Dasar, SMP singkatan Sekolah Menengah Pertama dan SMU singkatan Sekolah Menengah Umum) di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan Nasional. Perbezaannya ialah subjek agama diberikan lebih banyak di madrasah (sekitar 30 %) daripada di sekolah kebangsaan. Madrasah yang mengajarkan agama sahaja disebut Madrasah Diniyah

makhluk halus, roh yang boleh mengganggu kehidupan manusia

majlis ta'lim, lembaga pendidikan agama non-formal yang dipimpin oleh seorang ulama. Aktiviti pembelajaran agama ini biasanya mengambil tempat di rumah, di surau, di masjid atau di tempat khusus

manakib, riwayat hidup seorang tokoh dalam masyarakat Islam (wali, ulama). Dalam upacara pembacaan manakib disajikan pelbagai jenis makanan khas seperti *nasi lakatan* (nasi lemak), *kue apam putih*, *apam habang*, *wajik*, *cucur*, *tapai*, *kokoleh*, *rote kelambin*, *pisang mahuli*, dan minuman seperti teh dan kopi

maulud al-Habsyi, pembacaan syair-syair al-Habsyi utamanya dalam peringatan kelahiran Nabi Muhammad S.A.W.

Mazhab Syafi'i, satu daripada empat mazhab dalam Islam Sunni. Tiga mazhab lainnya adalah Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali. Pengikut keempat mazhab ini disebut Sunni, atau *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, iaitu orang-orang Islam yang berpegang kokoh ke atas sunnah nabi, pendapat para sahabat dan imam-imam mazhab

mufassir, para pakar ilmu tafsir, penafsir al-Qur'ân

mufti, penjabat di mahkamah syari'ah pada masa kesultanan Banjar di Kalimantan abad ke-18 sampai ke-19. Dia bertugas menjadi pengetua mahkamah dan pembuat *fatwa-fatwa*, iaitu opini atau keputusan-keputusan hukum tentang pelbagai perkara agama. Ketika pemerintahan Belanda di Indonesia, jabatan mufti dihapus sejak tahun 1938. Dalam melaksanakan tugasnya, mufti dibantu oleh *qadi*, yang bertugas sebagai hakim

muhadditsin, para pakar ilmu hadits, iaitu ucapan dan perbuatan Nabi Muhammad S.A.W.

mujaddid, para ulama yang menduduki posisi sebagai pembaharu keagamaan. Para ulama yang menduduki posisi sebagai pejuang umat disebut *mujaddid*, para ulama yang menduduki posisi sebagai pemersatu umat disebut *mushlih*

Muhammadiyah, pertubuhan Islam yang didirikan oleh K.H. Ahmad Dahlan, seorang ulama berfahaman moden, di Yogyakarta pada tahun 1911

Nahdlatul 'Ulama, pertubuhan Islam tradisional yang didirikan oleh K.H. Hasyim Asy'ari di Surabaya pada tahun 1926

naib, pengetua di jabatan urusan agama setingkat kecamatan, yang juga mempunyai kewenangan untuk memimpin majlis pernikahan

naqliyyah 'ulum, biasa juga disebut *'ulumul syar'iyah* atau *'ulumul tanziliyyah* yang bermakna ilmu-ilmu agama atau ilmu-ilmu kewahyuan

Naqshabandiyah, salah satu aliran tarekat yang mu'tabar atau diakui dalam Islam Sunni. Aliran tarekat yang juga diakui oleh umat Islam Sunni adalah tarekat *Qadiriyah*, *Syadziliyah*, *Syattariyah*, *Tijaniyah*, *Sammaniyah* dan *Khalwatiyah*. Manakala tarekat *Shiddiqiyah*, *Akmaliyah* dan *Wahidiyah* adalah beberapa bentuk tarekat tempatan

